

# Hantar resume serentak cari kerja baru dek marah majikan? Labur bina kemahiran dahulu...

PADA 2022, frasa yang menjadi sebutan di tempat kerja adalah *quiet quitting* dengan pekerja hanya melakukan kerja minimum dan memberi keutamaan lebih tinggi kepada kehidupan peribadi mereka.

Pada 2023 pula, frasa baru semakin terkenal iaitu *rage applying*.

*Rage applying* berkait dengan *quiet quitting* dari segi ia didorong oleh individu yang tidak berasakan semangat untuk bekerja di tempat yang sama.

Ini mungkin kerana mereka tidak dinaikkan pangkat, tidak berasa diri mereka disokong oleh penyelia atau hanya berasa sumbangan mereka kurang dihargai.

Berbanding *quiet quitting* dengan pekerja hadir di tempat kerja sebagai zombi, pekerja yang *rage applying* akan menghantar resume kepada pelbagai syarikat secara dalam talian serentak dengan harapan dapat meninggalkan pekerjaan lama itu secepat mungkin.

Karyawan muda di TikTok telah memulakan trend muda tersebut, dengan berkongsi hasil pendekatan mereka itu. Trend itu juga telah mendapat perhatian daripada karyawan muda lain.

"Saya marah di tempat kerja dan saya *rage applied* dan menghantar sebanyak 15 permohonan pekerjaan lain," kata seorang pengguna TikTok @redweez dalam satu video.

Menurutnya, beliau telah menerima kenaikan gaji sebanyak AS\$25,000.

Bagi pekerja yang lebih berpengalaman, ini mungkin dilihat sebagai trend sementara, tidak banyak berbeza daripada strategi *spray-and-pray* – iaitu mereka yang ingin mencari pekerjaan menghantar resume ke pelbagai syarikat dengan harapan untuk mendapatkan apa sahaja pekerjaan yang boleh ditemui.

Namun, sementara strategi *spray-and-pray* itu didorong rasa khawatir dalam ketidaktentuan pekerjaan, sementara *rage applying* pula didorong rasa tidak puas hati di tempat kerja serta keinginan untuk melakukan sesuatu supaya nilai diri seseorang itu dapat disahkan.

Sentimen ini mungkin lebih jelas sekitar April selepas syarikat-syarikat memberikan bonus tahunan mereka.

Pekerja yang tidak berasakan diri mereka dihargai akan mula mencari peluang lebih baik.

Akibat tindakan seperti itu mungkin tidak kelihatan.

Wadah pekerjaan dalam talian membolehkan orang ramai menghantar CV mereka untuk melengkapkan permohonan pekerjaan dan ini memberikan tanggapan palsu bahawa usaha mencari kerja ini hanya memerlukan satu klik sahaja.

Dalam pasaran kerja yang hangat, tawaran pekerjaan juga mungkin datang dengan pantas.

Sekitar 40 peratus majikan di Singapura berkata mereka merancang mengambil lebih banyak pekerja baru suku kedua 2023.

Namun, nasihat saya kepada semua yang mencari pekerjaan sekarang adalah untuk berhenti seketika sebelum menekan butang bagi menghantar kesemua permohonan pekerjaan itu serentak.

Permohonan yang serupa yang dihantar kepada majikan berbeza tidak akan membuahkan hasil yang diinginkan.

Bahkan, ia mungkin memusnahkan peluang anda mendapatkan pekerjaan yang selaras dengan matlamat pekerjaan jangka panjang anda.

## BINA RANGKAIAN SEBELUM Mencari PEKERJAAN

Daripada hanya mencari pekerjaan dengan menghantar resume serentak, nasihat saya ialah ambil jalan yang lebih jauh dan mencari peluang yang sesuai melalui rangkaian dan kenalan peribadi yang boleh menjamin kredibiliti dan kesesuaian anda.

Banyak syarikat yang bergantung kepada rujukan pekerja yang sudah mengisi pekerjaan terbuka, yang terbukti bermanfaat dalam memilih bakat terbaik untuk organisasi.



**BERTENANG DULU:** Mereka yang mencari pekerjaan perlu menjalin rangkaian yang lebih luas bagi mempertingkatkan peluang mendapatkan rujukan pekerjaan. – Foto ST

Mereka yang ditugaskan untuk memilih pekerja baru mungkin lebih berhati-hati dan mengelak risiko jika Singapura menghadapi kemelesetan teknikal sepertimana yang diramalkan.

Ini merupakan strategi penting yang memerlukan 'pelaburan' dan usaha dalam menjalin rangkaian secara aktif meskipun anda kini dalam pekerjaan yang baik untuk memupuk kepercayaan dan mencari peluang untuk menunjukkan kecekapan dan mencari nasihat berguna daripada orang dalam.

## MELABUR DALAM USAHA MEMBINA KEMAHIRAN

Peluang mendapatkan pekerjaan impian anda juga boleh dipertingkatkan dengan melabur dalam pembangunan kemahiran profesional anda.

Realitinya adalah majikan biasanya mencari pekerja yang bukan sahaja melakukan tanggungjawab sedia ada mereka malah dapat menyesuaikan diri terhadap peranan dan cabaran baru sementara organisasi mereka terus berkembang.

Saya ingin menekankan pentingnya menjalani latihan dan meningkatkan kemahiran untuk memastikan anda terus mendahului perubahan dalam industri pilihan anda.

Ini merupakan antara sebab mengapa ramai calon pekerja yang ingin mencari peluang lain memutuskan untuk mendapatkan ijazah sarjana atau mendaftar untuk kelas atau program yang memberi tumpuan kepada perkembangan dalam sektor mereka.

Yang penting: mereka yang sedang mencari pekerjaan perlu mengelak daripada terus bergantung kepada kaedah pencarian seperti ini yang sering digunakan seperti *rage applying*.

Sebaliknya, mereka harus menumpukan terhadap strategi pekerjaan yang disesuaikan dan inovatif serta sejajar dengan matlamat kerjaya mereka meningkatkan peluang mereka mencari pekerjaan bermakna yang memenuhi aspirasi kerjaya mereka.

► *Petikan dari artikel yang ditulis Pensyarah Kanan jabatan pengurusan dan organisasi di Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Sriram Iyer.*